

PM wajar digelar 'Wira Teknologi'

22 SEP 1993

DALAM dekad selepas kemerdekaan, negara kita sudah bertukar corak kemajuan dan wajah pembangunannya. Kepemimpinan negara juga sudah bertukar ganti, masing-masing dengan jasa dan sumbangan tertentu. Sejarah sudah mencatatkan nama mereka sebagai pejuang yang berjasa. Dalam era 80-an dan 90-an ini, kita dengan jelasnya dapat memerhatikan negara semakin pesat membangun di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini jelas, daripada negara yang hasil produktiviti adalah daripada perlombongan dan pertanian, kita sudah beralih kepada industri berat yang lebih mencabar dan sanggup bersaing dengan negara maju yang lain. Kita patut bangga dengan pengeluaran kereta nasional kita — Proton Saga.

Industri kereta ini begitu menonjol dan sudah memperlihatkan kemajuan dan perubahan yang pesat dan canggih.

Kini kita melihat pelbagai jenis Proton Saga. Daripada satu model ke satu model yang lain dikeluarkan dan semuanya mendapat sambutan yang menggalakkan, bukan saja daripada pembali tempatan malah antarabangsa. Ini menunjukkan kemampuan kita adalah setaraf dengan negara maju dalam bidang ini.

Di sini, tidak salah jika dikatakan, semua ini adalah berkat kesungguhan dan dedikasi kepemimpinan Dr Mahathir yang sudah menampakkan nilai yang tinggi dan bermakna kepada negara dan rakyatnya.

Sebagai tanda apresiasi rakyat kepada kepemimpinan beliau, rasanya tidaklah salah jika saya mencadangkan agar be-

liau diberi gelaran 'Wira wawasan teknologi Malaysia'. Gelaran ini dirasakan sejajar dengan sumbangan fikiran dan tenaga yang beliau curahkan kepada bangsa dan pembinaan negara dalam era ini.

Kita juga dapat melihat idea Perdana Menteri untuk masa depan negara. Wawasan 2020 menjadi satu tapak yang canggih dan kukuh untuk menggerak dan memajukan negara kita.

Segala usaha ditumpukan untuk mencapai wawasan itu. Matlamat utama wawasan ini adalah untuk mencapai atau menjadi sebuah negara maju dan bukan lagi negara yang disebut sebagai negara membangun.

Kita lihat apa pendapat yang diutarakan oleh Dr Mahathir dalam buku bertajuk 'Malaysia melangkah ke hadapan' iaitu "Malaysia tidaklah harus

menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata.

"Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala segi — ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

"Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan dan kesepaduan sosial, dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan bangsa sendiri."

Jadi, kita perlulah berusaha ke arah mencapai Wawasan 2020. Dalam konteks negara demokrasi pula, kita akan dapati pembangkang berjaya di satu-satu kawasan atau tempat pilihan raya, antaranya Kelantan dan Sabah.

Pelbagai isu yang di-

mainkan oleh pembangkang seperti kemiskinan, keadilan, nilai-nilai demokratik dalam masyarakat dan lain-lain untuk mengambil hati pengundi.

Jadi, sebagai alternatifnya, saya ingin mencadangkan RTM memberi kebenaran kepada semua Menteri Besar atau Ketua Menteri dan pemimpin Kerajaan Persekutuan bercakap dalam siaran radio tempatan masing-masing terutama bagi perayaan yang sangat penting seperti awal Muharam, Maulidurusul, Aidilfitri dan Aidiladha, Selamat Tahun Baru, Gong Xi Fat Choy, Hari Angkatan Tentera seperti Tentera Darat dll, Hari Kemerdekaan dan Deepavali.

Ini untuk mengelakkan pembangkang membuat tuduhan liar terhadap kerajaan.

**WAN LATIF,
Seremban.**